

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Kajian Awal

Sebelum pengkaji melakukan kajian secara tuntas terhadap semua karangan yang dijadikan bahan kajian, kajian awal telah dilakukan terhadap sepuluh buah karangan pelajar. Tujuan kajian awalan ini dilakukan adalah untuk mendapat gambaran awal terhadap daerah kelemahan pelajar secara menyeluruh. Setelah kajian dilakukan, enam daerah kelemahan telah dikenal pasti. Kelemahan tersebut ialah:

- a. Kesukaran untuk memikirkan isi yang relevan atau berasas.
- b. Kurang pendedahan tentang dunia luar.
- c. Tidak dapat mengolah karangan dengan menarik dan berkesan.
- d. Tidak mempunyai isi yang cukup.
- e. Tidak menguasai teknik penulisan.
- f. Tidak menguasai tatabahasa.

3.1.1 Kesukaran untuk Memikirkan Isi yang Relevan

Terdapat sebilangan pelajar yang tidak dapat memberi isi yang relevan tentang tajuk yang dikemukakan, terutamanya apabila menulis karangan

yang memerlukan pelajar-pelajar berhujah, memberi pendapat sendiri, dan mengulas sesuatu tajuk atau perkara. Hal ini berlaku kerana pelajar-pelajar kurang membaca dan tidak mengambil tahu tentang isu semasa yang berlaku sama ada di dalam atau di luar negara. Biasanya pelajar-pelajar dalam kumpulan ini terlalu bergantung kepada pengajaran guru sahaja.

3.1.2 Kurang Pendedahan tentang Dunia Luar

Walaupun pelajar-pelajar dapat menulis karangan dengan jumlah perkataan yang dikehendaki dan berupaya mengembangkan isi, tetapi contoh dan bukti yang dikemukakan itu hanya rekaan sahaja dan tidak pernah berlaku di mana-mana tempat pun. Hal ini menyebabkan hasil penulisan pelajar tidak matang dan tidak meyakinkan pembaca.

3.1.3 Tidak Dapat Mengolah Karangan dengan Baik

Kebanyakan karangan yang dihasilkan oleh pelajar tidak menarik untuk dibaca, malah membosankan. Mengapakah hal ini berlaku? Faktor pertama yang menyebabkan karangan pelajar tidak menarik dari segi pengolahannya ialah pendahuluan atau kesimpulan karangan yang ditulis

terlalu ringkas atau terlalu panjang. Hal ini berlaku kerana pelajar-pelajar tidak mengetahui elemen yang perlu dimasukkan ke dalam perenggan pengenalan atau kesimpulan.

Faktor lain yang menyebabkan olahan karangan pelajar tidak menarik ialah menghuraikan isi secara umum sahaja tanpa isi pokok, isi yang sama diulang-ulang, pemerengganan tidak kemas, dan tidak menguasai laras atau format penulisan.

3.1.4 Tidak Mempunyai Isi yang Cukup

Kelemahan pelajar-pelajar dari segi penulisan karangan merangkumi isi karangan yang tidak mencukupi dan terpesong daripada kehendak soalan. Pelajar hanya menulis dua atau tiga isi sahaja dan isi-isi tersebut tidak menunjukkan kematangan pelajar. Isi yang terpesong mungkin disebabkan pelajar terlalu gopoh atau terlalu ghairah hendak menulis karangan sebaik-baik sahaja membaca soalan, tanpa mengamati kata-kata kunci dalam pernyataan soalan.

3.1.5 Tidak Menguasai Teknik Penulisan

Kebanyakan pelajar tidak menguasai teknik penulisan secara menyeluruh. Selain daripada kegagalan menguasai laras atau format dengan sempurna, tulisan pelajar juga tidak kemas dan sukar dibaca, penulisan huruf besar dan huruf kecil yang salah dan penggunaan tanda baca yang tidak betul.

3.1.6 Tidak Menguasai Tatabahasa

Aspek bahasa diutamakan dalam penulisan karangan. Penguasaan tatabahasa yang longgar akan mencacatkan karangan pelajar dan markah yang akan diperoleh adalah rendah. Dalam kajian awalan penulis, didapati kebanyakan pelajar lemah dari aspek penguasaan tatabahasa. Kelemahan ini menyebabkan pelajar tidak berkemampuan untuk mengungkapkan idea dengan sempurna dan maksud yang hendak disampaikan menjadi kabur serta sukar difahami.

Oleh kerana aspek tatabahasa merupakan aspek yang penting dalam penulisan karangan peringkat SPM, maka penulis telah membuat ketetapan untuk menganalisis kesilapan tatabahasa dalam penulisan

karangan BM pelajar tingkatan lima dan mengabaikan lima daerah kelemahan lain seperti yang dinyatakan sebelum ini.

3.2 Pemilihan Sampel

Kajian ini terbatas kepada 30 buah karangan yang dihasilkan oleh 30 orang pelajar tingkatan lima, Sekolah Menengah Kebangsaan Guar Chempedak. Mereka terdiri daripada pelajar Tingkatan Lima Sains Satu, Lima Sains Dua, Lima Teknik Satu, Lima Teknik Dua, Lima Kemanusiaan Satu, dan Lima Kemanusiaan Dua. Setiap kelas diwakili oleh lima orang pelajar. Pemilihan pelajar dilakukan secara rawak. Pelajar yang dipilih telahpun didedahkan tentang teknik penulisan karangan termasuk aspek tatabahasa oleh guru BM semasa mereka di tingkatan empat dan lima. Penguasaan BM mereka adalah pada tahap sederhana sahaja.

3.3 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini berteraskan dua reka bentuk:

3.3.1 Kajian Lapangan

Pelajar yang dipilih (sample) akan diminta menulis sebuah karangan berdasarkan salah satu daripada tiga tajuk yang diberi. Panjang karangan tidak kurang daripada 350 patah perkataan dan ditulis dalam tempoh 1 jam 30 minit, sama seperti masa yang diperuntukkan untuk menjawab soalan Bahasa Melayu Kertas 1 (karangan) yang dikeluarkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia.

Tajuk-tajuk yang diberi ialah :

- i. Banyak pihak mengakui tentang pentingnya orang ramai melibatkan diri dengan kerja-kerja sukarela dalam masyarakat. Namun begitu, sambutan dan penyertaan daripada mereka kurang memuaskan.
Pada pendapat anda, mengapa hal ini berlaku dan berikan saranan untuk mengatasinya.
- ii. Anda telah memenangi peraduan silang kata anjuran sebuah majalah tempatan. Anda ditawarkan hadiah melancong secara percuma ke suatu destinasi peranginan pilihan anda selama seminggu. Nyatakan perasaan anda apabila mendapat tawaran tersebut serta nyatakan mengapa anda memilih tempat peranginan itu.

- iii. Sungai merupakan unsur alam semula jadi yang amat berharga kepada manusia. Nyatakan langkah-langkah ke arah memelihara kebersihan dan keindahan sungai.

Pengkaji akan menganalisis semua karangan yang ditulis oleh pelajar. Penganalisisan ini bertujuan mengenal pasti kesilapan-kesilapan tatabahasa yang dilakukan. Kesilapan penggunaan *kata sendi di*, *kata pemerl*, dan *kata jamak* merupakan teras kajian ini. Kesilapan-kesilapan tatabahasa yang lain akan diabaikan.

3.3.2 Kajian Kepustakaan

Kajian kepustakaan dilakukan untuk mendapatkan bahan-bahan rujukan seperti buku, majalah, dan jurnal yang mempunyai kaitan dengan tajuk yang dikaji. Maklumat-maklumat yang diperoleh akan memudahkan proses penganalisisan data dan penulisan disertasi ini.

3.4 Tatacara Penyelidikan / Pengelolaan Ujian

Proses pengendalian ujian ditadbir sendiri oleh pengkaji. Ujian ini diadakan di Dewan Sekolah Menengah Kebangsaan Guar Chempedak.

Setiap pelajar dibekalkan soalan, kertas jawapan dan dikehendaki menulis sebuah karangan dalam masa 1 jam 30 minit. Semasa ujian dilakukan tiada sebarang perbincangan atau peniruan di kalangan pelajar.

Apabila tempoh masa telah cukup, karangan-karangan ini dipungut untuk dijadikan bahan kajian.

3.5 Analisis Data

Pengkaji akan meneliti setiap karangan pelajar. Setiap kesalahan yang dilakukan akan ditanda, dicatat dan dimasukkan ke dalam kad individu yang telah diberikan nombor kod. Kad-kad ini mengandungi jenis-jenis kesilapan yang telah dilakukan berdasarkan batasan kajian dalam bab 1 iaitu kesilapan penggunaan kata sendi *di*, kata pemerl, dan kata jamak. Data yang telah diperoleh dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif untuk mendapatkan kekerapan dan peratusan.